

AKTIVITI PAK-21


Bab 6 Geometri Koordinat

Aktiviti: Garis Selari dan Garis Serenjang *Parallel Lines and Perpendicular Lines*

Arahan:

Instructions:

1. Bentukkan dua pasukan dalam kelas dengan keadaan setiap pasukan terdiri daripada 8 orang ahli.
Form two teams in the class where each team consisting of 8 members.
2. Setiap pasukan diminta menyediakan 4 pasangan persamaan garis selari dan juga 4 pasangan persamaan garis serenjang yang berlainan. Tulis setiap persamaan di atas sekeping kad seperti ditunjukkan dalam contoh di bawah.
Each team is required to prepare 4 different pairs of equations of parallel lines and 4 different pairs of equations of perpendicular lines. Write each equation on a card as shown in the example below.



3. Semua kad persamaan itu perlu ditutup supaya tidak dilihat oleh ahli pasukan lain.
All the equation cards must be covered so that not to be seen by other team members.
4. Setiap ahli dalam pasukan akan memegang sekeping kad.
Each member in the team will hold a card.
5. Kemudian, setiap ahli akan mencari seorang ahli daripada pasukan lain untuk saling tukar kad mereka. Seterusnya, kedua-dua pasukan akan mula memadankan pasangan garis selari dan garis serenjang secara serentak.
Then, each member will find a member of the other team to exchange their cards. Subsequently, both teams will begin matching the pairs of parallel lines and perpendicular lines simultaneously.
6. Pasukan yang menggunakan masa paling singkat untuk memadankan pasangan persamaan adalah pemenang.
The team which uses the shortest time to pair up the equations is the winner.

Aktiviti: Sukatan Kecenderungan Memusat
*Measure of Central Tendency***Arahan:***Instructions:*

1. Bahagikan murid dalam kelas kepada beberapa kumpulan dengan setiap kumpulan terdiri daripada 4 orang ahli.
Divide the students in the class into groups with each group consisting of 4 members.
2. Setiap kumpulan dikehendaki mendapatkan maklumat tentang jisim badan murid dalam kelas.
Each group is required to obtain information about the body mass of students in the class.
3. Catatkan data yang diperoleh pada satu jadual seperti ditunjukkan di bawah.
Record the data obtained in a table as shown below.

No.	Nama/Name	Jisim/Mass (kg)
1		
2		
3		
4		

4. Bina satu jadual kekerapan untuk mewakili data di atas.
Construct a frequency table to represent the above data.
5. Berdasarkan jadual kekerapan yang dibina, cari mod, median dan min bagi jisim murid.
Based on the constructed frequency table, find the mode, median and mean of the masses of students.
6. Bincang dalam kumpulan masing-masing tentang sukatan kecenderungan memusat yang paling sesuai untuk mewakili data yang diperoleh.
Discuss in their respective groups about the most suitable measure of central tendency used to represent the data obtained.
7. Setiap kumpulan membentangkan hasil kerja mereka. Berikan sebab-sebab bagi hasil yang diperoleh.
Each group presents their work. Give reasons for the result obtained.